

Pengaruh keresahan perpisahan dan kesannya terhadap perkembangan sosial

kanak-kanak di Selangor: Satu kajian tinjauan

ABSTRACT

Keresahan perpisahan merupakan perkara yang normal bagi kanak-kanak. Namun begitu, keresahan boleh menjadi keterlaluan sehingga mampu mengganggu kehidupan dan perkembangan kanak-kanak. Jika tidak diberi perhatian, ia boleh menjadi keceluaran keresahan, dan menyebabkan kanak-kanak sukar untuk melalui kehidupan mereka. Objektif kajian ini adalah untuk meninjau keresahan perpisahan yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak berumur 0 hingga 9 tahun di negeri Selangor. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh faktor persekitaran terhadap keresahan perpisahan kanak-kanak serta mengkaji hubungan antara keresahan perpisahan dan kesannya terhadap perkembangan sosial kanak-kanak. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik terhadap seramai 288 orang responden dari kalangan ibu bapa yang mempunyai anak dalam lingkungan umur 0 hingga 9 tahun. Data dianalisis menggunakan (SPSS 25.0) melalui analisis deskriptif, regresi model linear dan ujian ANOVA sehalia. Hasil dapatan seramai N=189 (66%) kanak-kanak yang berumur 0 hingga 9 tahun di negeri Selangor mengalami keresahan perpisahan. Selain itu, hasil dapatan regresi model linear menunjukkan faktor persekitaran tidak mempengaruhi keresahan perpisahan. Akhir sekali, melalui ujian ANOVA sehalia terdapat perbezaan yang signifikan di antara kesan perkembangan sosial dan keresahan perpisahan dengan min keseluruhan, $F(288)=3.27$, $p<.05$.